

Tepukan gemuruh untuk Presiden

KUALA LUMPUR, Jumaat — Ucapan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, di Perhimpunan Agung Umno ke-36 yang dianggap sebagai ucapan terbuka, mendapat tepukan gemuruh dan sorakan dari semua perwakilan dan pemerhati.

Malah ada yang menjerit 'batu api' apabila Perdana Menteri yang juga Presiden Umno itu berkata, golongan yang cuba menghapuskan kedudukan istimewa orang Melayu semata-mata untuk mendapat undi, sebagai penderhaka kepada bangsanya sendiri dan mengkhianati Islam.

Ucapan Perdana Menteri setebal 27 muka surat itu di sampaikan selama satu jam bermula jam 9.45 hingga 10.45 pagi. Sebelum itu, Kumpulan Koir Wanita dan Pemuda menyanyikan lagu Umno — *Bersatu, Berketia, Berkhidmat*.

Pengerusi Tetap Umno, Tan Sri Sulaiman Ninam Shah kemudian mengambil tempat dan diikuti dengan majlis doa oleh Pengerusi Biro Agama Umno, Datuk Haji Wan Mokhtar Ahmad.

Sebelum Perdana Menteri memulakan ucapannya, sebahagian perwakilan membetulkan duduk masing-masing bagi mendengar amanat penting Presiden mereka.

Pelbagai perkara yang disentuh oleh Perdana Menteri mendapat perhatian dan sokongan perwakilan, termasuk ketegasan beliau untuk

menyenaraihitamkan golongan yang cuba memeralatkan raja untuk kepentingan perniagaan mereka.

Sorakan dan tepukan turut memecah ruang Dewan Merdeka apabila Perdana Menteri mempersoalkan: "Melayu jenis apakah yang harus kekal?"

Laporan

Malah, ucapannya terpaksa dihentikan sebentar kerana tepukan perwakilan yang bersetuju dengan amaran beliau supaya golongan itu menghentikan perbuatan mereka.

Ucapannya berakhir dengan peringatan bahawa Kompleks Umno adalah warisan kepada generasi muda dan lambang kejayaan Umno.

Dewan Merdeka kemudian bergema bergema dengan pekikan "Merdeka! Merdeka! Merdeka!"

Semua perwakilan dan pemerhati bangun bera-



mai-ramai dan mengangkat tangan sambil melaungkan "Merdeka! Merdeka! Merdeka!" diikuti dengan tepukan gemuruh.

Pengerusi Tetap Umno, Tan Sri Sulaiman Ninam Shah, meminta semua perwakilan berbuat demikian untuk memeriahkan suasana perhimpunan agung itu.

"Sekurang-kurangnya dengan seruan ini, dapat menghalau syaitan dan iblis," katanya sambil bergurau dan disambut dengan gelak ketawa.

Kemudian, Setiausaha Agung, Datuk Seri Sanusi Junid, membentangkan laporan tahunan Umno diikuti oleh Bendahari Agung, Encik Daim Zainuddin yang membentangkan penyata kewangan dan perlantikan pemeriksa kira-kira.

Perhimpunan agung kemudian meluluskan laporan, penyata kewangan dan perlantikan pemeriksa kira-kira.